

UNDI 18, DINAMIKA POLITIK DAN KESELAMATAN NEGARA: ANALISA DARIPADA PILIHAN RAYA NEGERI JOHOR 2022

Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar

ABSTRACT

The 2022 Johor State Election opened a new chapter of the country's representative democracy when first-time voters 18 years old were allowed to become voters in national elections. Past studies locally and internationally have seen the tendency of younger voters who are more dynamic, opportunistic and progressive, which is significant for examining the voting trends of young voters. It is also more interesting to see not only in the context of participatory democratic practice but also in the context of national security. Therefore, this paper will look at the voting trends of young voters in this state election and discuss those related to national security.

Kata Kunci: *Representative democracy, young voters, elections, security*

ABSTRAK

Pilihanraya Negeri Johor 2022 membuka lembaran baru demokrasi representatif negara apabila buat pertama kalinya pengundi yang telah berumur 18 tahun dibenarkan menjadi pengundi dalam pilihanraya negara. Banyak kajian lepas di luar negara mahupun dalam negara telah memperlihat kecenderungan pengundi muda yang lebih dinamik, opportunistis dan progresif, maka adalah signifikan untuk mengkaji tren pengundian pengundi muda. Lebih menarik juga, untuk dilihat bukan sahaja dalam konteks partisipasi dalam amalan demokrasi, tetapi juga dalam konteks keselamatan negara. Oleh yang demikian, makalah ini akan melihat tren pengundian pemilih muda pada pilihan raya negeri ini disamping membincangkan perkara-perkara yang terkait dengan soal keselamatan negara.

Kata Kunci: *Demokrasi perwakilan, pengundi muda, pilihan raya, keselamatan*

PENDAHULUAN

Pada 16 Julai 2019, tercatat sejarah baharu dalam amalan demokrasi perwakilan negara, apabila Parlimen Malaysia meluluskan rang undang-undang menurunkan had undi minimum daripada 21 tahun kepada 18 tahun dan juga pendaftaran secara automatik (The Straits Times, 2021). Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) juga menyasarkan akan berlakunya pertambahan bilangan pengundi sebanyak 50% iaitu sebanyak 7.8 juta pengundi baru dengan adanya pendaftaran secara automatik dan kelayakan umur pengundi minimum adalah 18 ini akan membawa kepada pertambahan hampir 4.5 juta pengundi di bawah 21 tahun pada PRU yang akan datang (Mohd Azmir Mohd Nizah & Sharif, 2019).

Melihat kepada perkembangan positif ini, Malaysia menjadi negara terbaru yang menurunkan had umur undi kepada 18 menjadikan hanya Singapura negara di ASEAN yang masih mengekalkan had umur minimum pengundi pada 21 tahun (Mohd Nizah & Mohd Sharif, 2020). Namun begitu, persoalan besar yang perlu dianalisis ialah tentang persediaan ilmu dan maklumat tentang pengundian dan kualiti pengundi 18 tahun ini. Begitu juga dengan persoalan adakah mereka bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab mereka? Ia juga membawa kepada persoalan apakah pengundi bukan muda, atau pengundi berpengalaman sudah bersedia dengan keputusan yang bakal di buat oleh pengundi-pengundi muda ini?

Abraham Lincoln dalam ucapannya satu ketika dulu yang sangat popular, “demokrasi adalah kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat.” Frasa ini menjelaskan bagaimana peranan rakyat adalah besar khususnya dalam pemilihan tampuk kepimpinan sebuah negara di dalam pilihan raya. Demokrasi ialah sistem berdasarkan kepada pilihan yang dibuat oleh majoriti rakyat yang layak mengundi. Semakin tinggi jumlah pengundi yang melaksanakan tanggungjawab, semakin jelas sokongan terhadap barisan pemimpin yang dipilih (Aziz, 2018). Oleh yang demikian, jelas bahawa dalam sebuah sistem demokrasi, bukan sahaja rakyat yang berhak memilih sesebuah kerajaan, malah bilangan yang memilih juga adalah sebahagian daripada persoalan keabsahan sesebuah kerajaan.

PRN Johor yang berlangsung pada 12 Mac 2022 adalah medan pertama bagi semua orang muda yang dikategorikan sebagai undi 18 yang diluluskan di dewan rakyat pada 2019 yang lalu. Pada PRN Johor 2022, menyaksikan pertambahan signifikan jumlah pengundi baharu dan muda adalah sebanyak 30% iaitu sebanyak hampir 750 ribu pengundi (Mohd Azlim Zainury, 2022).

Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan tren pengundian khususnya pengundi muda di PRN Johor 2022. Di samping itu, artikel ini juga akan membincangkan kesan pengundian dalam kalangan pengundi muda yang terkait dengan persoalan keselamatan.

OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini menyasarkan dua objektif yang dilihat sangat penting untuk dibincangkan. Pertama, artikel ini cuba untuk mengenal pasti bentuk-bentuk tren yang wujud dalam kalangan pengundi muda sepanjang pilihan raya negeri Johor pada 2022. Kemudian, artikel ini akan membincangkan kesan pengundian dalam kalangan pengundi muda dalam waktu pandemik.

SOROTAN LITERATUR

Dewan Rakyat telah sebulat suara bersetuju untuk menurunkan had minima undi dari 21 tahun ke 18 tahun pada 16 Julai 2019 yang lalu, dan diperakui juga oleh Dewan negara pada 25 Julai 2019 (Mohd Nizah & Mohd Sharif, 2020). Ia menjadi detik bersejarah dalam konteks pendemokrasian warga Malaysia. Pelbagai sudut pandang dan naratif yang dimainkan oleh pelbagai pihak bagi isu ini. Antara naratif yang dibawa ialah kesediaan dan kesungguhan pengundi muda melunaskan tanggungjawab mereka sebagai pengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) akan datang.

Dalam pada itu, terdapat juga naratif yang memfokuskan kepada kekurangan penglibatan kumpulan ini dalam aktiviti-aktiviti politik yang memungkinkan kurangnya minat untuk turun sebagai pengundi pada pilihan raya yang akan datang. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan banyak kajian di pelbagai negara yang mendapati partisipasi orang muda dan belia dalam

politik konvensional semakin rendah sejak sepuluh tahun kebelakangan (Norhafiza Mohd Hed & Maria T Grasso, 2019; Sloam, 2016; Sloam & Henn, 2019). Namun begitu, oleh kerana bilangan pengundi muda yang banyak berbanding dengan golongan yang telah melepassi umur 21 tahun, ia secara tidak langsung, menjadikan golongan ini sebagai sasaran utama parti-parti politik yang bakal bertanding berusaha menarik dan mendapatkan sokongan golongan ini pada PRU15 yang akan datang.

Melihat kepada jumlah pengundi baharu khususnya pengundi muda yang dijangka akan memberikan penambahan hampir 16%-19% jumlah pengundi di PRU15 yang akan datang (Malaysiakini, 2022), adalah signifikan bagi membincangkan tren pengundian dalam kalangan pengundi muda khususnya di pilihan raya negeri Johor 2022 yang telah berlangsung pada 22 Mac 2022. Apa yang agak menarik, pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor ini, telah dapat menyaksikan Barisan Nasional dan parti Pejuang meletakkan calon paling muda pada PRN ini iaitu Kelly Chye yang bertanding di DUN Mengkibol dan Muhammad Ariel Zabirdin yang bertanding di DUN Tangkak dan kedua-dua calon ini berumur 26 tahun (UtusanTV, 2022). Ini adalah suatu fenomena yang menarik untuk diperhatikan, kerana parti politik sangat teruja untuk melakukan eksperimen dengan meletakkan orang muda sebagai calon, walaupun banyak kajian mendapati penglibatan belia dalam konvensional adalah tidak konsisten (Grasso et al., 2019; Norhafiza Mohd Hed & Maria T Grasso, 2019).

Tren meletakkan pengundi muda di PRU yang akan datang juga dilihat akan menjadi agenda utama bagi semua parti yang bertanding khususnya di kawasan bandar. Malah pengundi muda juga diberikan persepsi bahawa mereka tidak memihak kepada mana-mana parti, dan kebanyakan mereka adalah dalam kategori pengundi di atas pagar, atau pengundi yang neutral. Ini dapat dibuktikan dengan beberapa kajian yang merumuskan bahawa penglibatan belia boleh dibahagikan kepada ‘apati belia’ dan ‘anti-apati’ (Mohd Nizah & Mohd Sharif, 2020; Nizah & Bakar, 2019; Norhafiza Mohd Hed & Maria T Grasso, 2019; Norshuhada Shiratuddin et al., 2016; Salman et al., 2018; Welsh, 2018). Oleh yang demikian setiap parti yang bertanding harus berhati-hati dalam pemilihan calon yang bakal bertanding kerana sentimen pengundi muda adalah sangat berbeza bukan hanya pada calon yang

ditawarkan malah kebolehan calon itu sendiri dan isu yang dibawa calon juga bakal menjadi penentu nasib mereka pada PRU15 yang akan datang (Berita Harian, 2022).

Namun apakah pengundi muda ini bersedia menggalas tanggungjawab yang berat bagi PRU 15 yang akan datang. Melihat kepada beberapa hujah berkenaan golongan muda ini boleh di lihat kepada dua iaitu sama ada mereka adalah bersifat ‘apati’ atau ‘anti-apati’. Pertama, ialah pandangan ‘apati’ iaitu di mana golongan ini secara sengaja tidak mahu melibatkan diri dalam aktiviti politik termasuklah kehidupan sivik, pengundian dan keahlian organisasi (Mohd Nizah & Mohd Sharif, 2020). Kedua adalah pandangan bersifat ‘anti-apati’, iaitu pandangan bahawa belia bukan tidak terlibat, tetapi penglibatan mereka telah berubah ke bentuk bukan konvensional.

Ini dapat dibuktikan pada PRN Johor 2022 yang lepas, di mana peratusan pengundi muda yang turun hanyalah dianggarkan sebanyak lima peratus daripada 173,177 ribu pengundi muda yang layak mengundi. Pelbagai faktor yang dikaitkan dengan peratusan undi yang kurang dari kalangan pengundi muda ini antaranya isu protes dalam kalangan pengundi muda dan juga isu-isu sampingan yang lain (*Astro Awani*, 2022). Dalam konteks ini, maka dapat difahami, bahawa wujud dua perspektif dalam menghalusi keperluan umur sebagai pengelasan, iaitu perspektif utiliti dan perspektif hak (Azelton et al., 2019; Briggs, 2017; Kaletsky, 2011; Peter Levine, 2016).

Keperluan PRN Johor dalam waktu pandemik telah membuka ruang kreativiti dalam membolehkan pilihan raya terus dijalankan, dan amalan demokrasi terus dipertahankan (Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar, 2022; Quarcoo, 2020). Namun begitu, terdapat penurunan jumlah pengundi yang sangat signifikan dalam empat siri pilihan raya yang dijalankan sepanjang tempoh pandemik ini, dengan menyaksikan peratusan yang menurun. Dalam konteks global, jumlah undi di Malaysia sepanjang tempoh pandemik adalah baik, berbanding di Jepun, Korea Selatan mahupun di beberapa buah negara Amerika Latin dan Caribbean dengan angka penurunan jumlah pengundi melangkaui jumlah angka jumlah pengundi yang menaik (Luis Felipe Lopez-Calva, 2021). Manakala berdasarkan aktiviti dan protokol, Suruhanjaya Pilihan Raya telah menambah baik beberapa prosedur operasi

standard dalam perjalanan pilihan raya sepanjang empat PRN yang dijalankan. Ia sejajar dengan situasi semasa pandemik yang didasarkan kepada laporan jumlah kes dan kadar kebolehjangkitan sebagaimana yang disarankan oleh kementerian yang berwajib. Dalam konteks legitimasi perjalanan pilihan raya, kehadiran pemantau juga telah ditambah baik, dan ia menjadikan proses pilihan raya di Malaysia terus relevan dan selamat. Ini secara tidak langsung, meningkatkan kadar pengamalan demokrasi di Malaysia terus konsisten dan boleh menjadi contoh kepada negara-negara lain. Jelas, wujud korelasi antara Undi18, dinamika politik dan keselamatan negara.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan analisis dokumen dan pungutan maklumat pemerhatian sepanjang PRN Johor berlangsung daripada 26 Februari 2022 hingga 11 Mac 2022. Analisa dokumen adalah berdasarkan rujukan terhadap Prosedur Operasi Standard Majlis Keselamatan Negara, dan SPR. Maklumat pemerhatian pula berdasarkan laporan pemerhatian penulis sepanjang kempen pilihan raya berlangsung khususnya yang melibatkan pengundi muda. Melalui kaedah ini, penulis dapat membuat perbandingan prosedur yang telah dikeluarkan dan pemerhatian pematuhan prosedur oleh elit politik.

PERBINCANGAN

Tren pilihan raya di seluruh dunia menyaksikan kerajaan telah respons terhadap keperluan umur sebagai pengelasan dalam menentukan had minimum bagi seseorang warga layak sebagai pengundi. Di Malaysia had umur yang ditetapkan ialah 18 tahun, sejajar dengan hampir majoriti negara yang telah menurunkan had umur ini. Maka, pada PRU15 (dianggarkan pada penghujung 2022 atau pun seawal 2023, berdasarkan situasi politik kepartian semasa), maka Undi18 telah menjadi agenda utama kebanyakan parti-parti dalam mendapatkan sokongan yang jitu daripada golongan muda.

Eksperimen pertama telah dijalankan di PRN Johor. Namun begitu, ia tidak boleh dijadikan batu asas penglibatan belia dalam proses pengundian. Ini kerana, terdapat dua faktor utama, iaitu ia dijalankan dalam keadaan yang luar

norma pengundian dengan penularan Covid 19 masih menjadi faktor keselamatan utama, dan kedua, jumlah yang rendah berbanding keputusan di Sarawak dan Melaka, yang mana menyaksikan pertambahan 749,741 orang pengundi baharu atau secara statistiknya hanya 6% daripada daftar pemilih di Johor. Dalam konteks ini, maka adalah benar bahawa penglibatan orang muda terhadap politik konvensional adalah pada tahap yang rendah sebagaimana yang telah dibuktikan oleh para pengkaji sebelum ini. Hakikatnya, penglibatan golongan muda adalah lebih terarah kepada politik bukan konvensional dengan alat atau sumber informasi politik adalah lebih berpengaruh berbanding ejen-ejen politik konvensional (Faizal Kasmani et al., 2014; Nizah & Bakar, 2021). Ia juga sejajar dengan dapatan yang wujud dalam Indeks Belia Malaysia yang terus menunjukkan penurunan sosialisasi politik sejak 2015. Oleh yang demikian, Undi18 sebenarnya kurang memberi impak kepada keputusan pilihan raya negeri Johor, tetapi ia berpotensi memberi impak besar dalam PRU 15 yang akan datang. Oleh yang demikian, perancangan yang teliti dalam menghadapi kesan besar pengundi muda ini adalah ruang perbincangan yang sangat menarik, sekurang-kurangnya dalam dinamika pengundian di Malaysia.

Oleh kerana golongan pengundi muda atau pengundi baharu tidak memberi impak besar dalam keputusan PRN Johor, ia tidak bererti dinamika politik tidak berubah. Hakikatnya, PRN Johor telah menampilkan satu kedinamikan politik yang terfokus kepada dinamika politik Melayu di Johor. Dalam soal ini, di sebalik kelesuan ‘tidak kisah’ akan praktis demokrasi, ia juga menggambarkan perubahan nuansa politik baharu, dengan isu berkaitan ekonomi, keselamatan, legitimasi, keabsahan, peluang pekerjaan, harga rumah dan harga barang melangkaui perbincangan isu Melayu-Islam, walaupun jauh di dalamnya masih wujud persoalan etnik dan keetnikan. Dinamika politik ini dapat dianalisis melalui kebanyakan kawasan majoriti Melayu yang rata-rata mempunyai jumlah undi yang besar.

Selain daripada itu, PRN Johor juga menyaksikan pengurusan ketidaktentuan sebagai salah satu aspek dalam mendapatkan undi, justeru mencipta naratif yang memihak kepada calon atau parti. Dalam konteks ini, ketidaktentuan dizahirkan melalui tema-tema kempen yang berpaksikan kestabilan, kesejahteraan, keadilan dan kecekapan (Saahar @ Saabar et al.,

2022) yang mana semuanya adalah terkait dengan persoalan keselamatan. Dengan pengundi muda dan kali pertama, ia juga membawa indikator ketidaktentuan boleh menjadi jaminan kepada kestabilan dengan pengalaman yang dimiliki berbanding parti lawan. Makanya, dengan minda keselamatan yang tercipta akibat naratif propaganda yang dihasilkan, akhirnya mewujudkan satu lagi naratif besar dalam PRN Johor, iaitu keselamatan negara.

Keselamatan Negara yang dibincangkan ialah bukan semata-mata kerana keadaan yang tidak selamat akibat pandemik Covid 19 sahaja. Dalam PRN Johor ini, naratif keselamatan negara dibawa dengan lebih jauh lagi sehingga konsep-konsep politik yang berat menjadi modal dalam mendapatkan undi. Jumlah pengundian yang sangat rendah berbanding pilihan raya yang dijalankan sebelum itu, yang mana ia adalah berkait rapat dengan minda keselamatan pengundi, lebih-lebih lagi pengundi baharu yang signifikan dalam pilihan raya negeri Johor ini. Sikap tunggu dan lihat pengundi hampir menyebabkan keputusan PRN ini tidak signifikan dalam konteks majoriti-minoriti pemilih, walaupun parti memenangi lebih 2/3 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Selain daripada itu, kewujudan konsep kerajaan gagal, integriti dan ketidakcekanan menjadi taruhan parti-parti bertanding mendapatkan margin migrasi politik boleh dianggap ancaman terus terhadap keselamatan negara, walaupun bukan secara konvensional dan harfiahnya. Walaupun jumlah pengundi muda yang berumur 18-20 berjumlah 175,000 orang (Awang Besar et al., 2022) adalah majoriti dalam kumpulan pertama kali mengundi, ia sebenarnya membawa indikasi bahawa keselamatan negara terletak di tangan orang yang masih lagi mentah perihal kerajaan dan governan. Ini kerana, kajian lepas menunjukkan bahawa golongan muda adalah tidak cakna dalam sosialisasi politik dan amalan demokrasi, namun memiliki tanggungjawab yang sangat besar bagi pemilihan sebuah kerajaan. Inilah yang seharusnya menjadi pengukur dalam memberi kuasa memilih yang pastinya perlu datang dengan ilmu dan informasi yang sahih tentang suasana politik yang lebih banyak dipengaruhi oleh media sosial, sekali gus membentuk minda ketidaktentuan (Nizah et al., 2020; Saahar @ Saabar et al., 2022).

KESIMPULAN

Artikel ini membincangkan apakah bentuk tren yang wujud dalam kalangan pengundi muda sepanjang pilihan raya negeri Johor pada 2022. Kajian mendapati pengundi muda mempunyai tahap sosialisasi politik yang rendah, di samping tidak mempunyai komitmen yang jelas dan konsisten terhadap parti dan pilihan raya. Namun, Undi18 telah memberikan golongan ini satu kuasa untuk memilih sebuah kerajaan, dan pastinya kualiti membuat keputusan menjadi satu lagi persoalan yang perlu diberi perhatian yang besar. Selain daripada itu, artikel ini juga membincangkan kesan pengundian dalam kalangan pengundi muda semasa pandemik, yang mana pengaruh media sosial yang membentuk minda ketidaktentuan boleh menjadi sebab kepada keselamatan negara dipertaruhkan. Walaupun PRN Johor ini impak golongan muda belum terserlah, namun, dengan perancangan yang rapi oleh parti, serta peningkatan kesedaran dan tahap sosialisasi serta pengetahuan golongan muda ini boleh menjadi senjata utama dalam mana-mana parti meraih kemenangan yang mutlak.

RUJUKAN

Astro Awani. (2022). <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peratusan-keluar-mengundi-pemilih-muda-tidak-seperti-yang-diharap-352862>

Awang Besar, J., Mat Jali, M. F., Awg Ahmad, S., Sarjono, F., Mohd Rudzainor, M. H. I., Abdul Halim, A. H., Zainuddin, M. S., Noor Azman, A. A., & Idris, M. Y. (2022). Geopolitik Negeri Johor dan Prestasi Parti Politik dalam Pilihan Raya Umum DUN Johor 2022. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(28), 01–22. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.728001>

Azelton, A., Barrowman, B., & Reppell, L. (2019). *Raising Their Voices: How effective are pro-youth laws and policies?* <https://www.ndi.org/publications/raising-their-voices-how-effective-are-pro-youth-laws-and-policies>

Berita Harian. (2022). <https://api.bharian.com.my/berita/politik/2022/06/966287/pru-15-parti-politik-bakal-bersaing-rebutundi-pemilih-muda>

Briggs, J. (2017). Young People and Political Participation. In *Young People and Political Participation*. Palgrave Macmillan UK. https://doi.org/10.1057/978-1-349-97850-0_137

Faizal Kasmani, M., Sabran, R., & Adzrah Ramle, N. (2014). Who Is Tweeting on #PRU13? *Asian Social Science*, 10(18). <https://doi.org/10.5539/ass.v10n18p144>

Grasso, M. T., Farrall, S., Gray, E., Hay, C., & Jennings, W. (2019). Socialization and generational political trajectories: an age, period and cohort analysis of political participation in Britain. *Journal of Elections, Public Opinion and Parties*, 29(2), 199–221. <https://doi.org/10.1080/17457289.2018.1476359>

Kaletsky, A. (2011, April). Pensioners' Votes Should be Given to Children. *The Times*.

Luis Felipe Lopez-Calva. (2021, February 17). *The Virus and the Votes: How is COVID-19 changing voter turnout in LAC?* | United Nations Development Programme. UNDP Graph for Thought. <https://www.undp.org/latin-america/blog/graph-for-thought/virus-and-votes-how-covid-19-changing-voter-turnout-lac>

Malaysiakini. (2022, February 2). *UNDI18: Welcoming a new generation of voters.* <https://www.malaysiakini.com/announcement/609364>

Mohd Azlim Zainury. (2022). *Sinar Harian.* <https://www.sinarharian.com.my/article/188062/Pilihan-Raya/PRN-Johor/PRN-Johor-Sokongan-Undi-18-sukar-diramal>

Mohd Azmir Mohd Nizah, & Sharif, S. M. (2019). Undi 18: Belia dan Politik Konvensional. In Mohd Azmir Mohd Nizah, Mashitah Sulaiman, & Adibah Sulaiman @ Mohamad (Eds.), *e-Prosiding Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (i-STET) 2019* (pp. 304–310). Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia.

Mohd Azmir Mohd Nizah, & Afi Roshezry Abu Bakar. (2022). PRN Johor: Antara Kesinambungan Kestabilan Demokrasi dan Keselamatan Rakyat. *Journal of Public Security and Safety*, 13(1), 79–93.

Mohd Nizah, M. A., & Mohd Sharif, S. (2020). Undi 18: Belia dan Politik Konvensional. *Sains Insani*, 5(1), 180–186.
<https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.181>

Nizah, M. A. M., & Bakar, A. R. A. (2019). WhatsApp Election in Malaysia: Assessing the Impact of Instant Messaging on Malaysia's 14th General Election. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(3). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i3/5643>

Nizah, M. A. M., & Bakar, A. R. A. (2021). The Use of WhatsApp on Political Marketing Agenda in Malaysia Politics. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 11(8), 1660–1677.
<https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v11-i8/10626>

Nizah, M. A. M., Bakar, A. R. A., & Azzis, M. S. A. (2020). Undi 18: The Psychology of Participation among Young Voters in Malaysia. *UTAR Applied Psychology Reserach Conference 2020*.

Norhafiza Mohd Hed & Maria T Grasso. (2019). Age group differences in political activism in Malaysia. *Journal of Youth Studies*, 1–15.
<https://doi.org/10.1080/13676261.2019.1636948>

Norshuhada Shiratuddin, Mohd Azizuddin Mohd Sani, Shahizan Hassan, Mohd Khairie Ahmad, Kartini Aboo Talib @ Khalid, & Noor Sulastri Yurni Ahmad. (2016). Generation Y's Political Participation and Social Media in Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 246–262.
<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2016-3201-12>

Peter Levine. (2016). *The Commission on Youth Voting and Civic Knowledge Youth Post-Election Survey 2012 (ICPSR 35012)*. Tufts University. Center for Information and Research on Civic Learning and Engagement. <https://www.icpsr.umich.edu/icpsrweb/civicleads/studies/35012>

Quarcoo, A. (2020). *Can Elections Be Credible During a Pandemic? -Carnegie Endowment for International Peace Can Elections Be Credible During a Pandemic?* <https://carnegieendowment.org/2020/07/29/can-elections-be-credible-during-pandemic-pub-82380>

Saahar @ Saabar, S., Othman, M. K., & Faris Anuar, A. D. (2022). Kesan Senario Politik Ke Atas Tingkah Laku dan Niat Pengundi PRN Johor 2022. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001479. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1479>

Salman, A., Salleh, M. A. M., Yusoff, M. A., & Abdullah, M. Y. H. (2018). Political Engagement on social media as Antecedent for Political Support among Voters in Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal*, 34(2), 152–165.

Sloam, J. (2016). Diversity and voice: The political participation of young people in the European Union. *British Journal of Politics and International Relations*, 18(3), 521–537. <https://doi.org/10.1177/1369148116647176>

Sloam, J., & Henn, M. (2019). Rejuvenating Politics: Young Political Participation in a Changing World. In *Youthquake 2017, Palgrave Studies in Young People and Politics* (pp. 17–42). Palgrave Pivot. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-97469-9>

The Straits Times. (2021). The Straits Times. <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/malaysia-set-to-lower-voting-age-to-18-launch-automatic-voter-registration-system>

UtusanTV. (2022). <https://utusantv.com/2022/02/26/prn-johor-7-penjuru-di-dua-dun-termuda-bukan-calon-muda/>

Welsh, B. (2018). “Saviour” Politics and Malaysia’s 2018 Electoral Democratic Breakthrough: Rethinking Explanatory Narratives and Implications. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 85–108. <https://doi.org/10.1177/186810341803700305>.